

### **1. MAHB akan bida kerja penyelenggaraan Lapangan Terbang Jeddah**

SEPANG: Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) akan membida bagi kerja-kerja penyelenggaraan di Lapangan Terbang Antarabangsa Raja Abdulaziz, Jeddah di Arab Saudi.

Pengerusinya, Tan Sri Wan Abdul Aziz Wan Abdullah, hari ini berkata, syarikat pengendali lapangan terbang itu telahpun menepati prakelayakan tugas berkenaan.

"(Bagaimanapun tender) dokumen itu belum dikeluarkan lagi," katanya kepada media selepas Mesyuarat Agung Tahunan Ke-16 MAHB, di sini, hari ini.

Wan Abdul Aziz berkata, buat sementara, MAHB akan meneroka peluang perniagaan lain di luar negara.

Malah, katanya, pengembangan MAHB di peringkat antarabangsa tidak hanya terhad kepada aspek pembelian ekuiti bagi perniagaan yang berpotensi, tetapi turut melibatkan usaha pengeksportan perkhidmatannya.

Baru-baru ini, MAHB menerusi unitnya, Malaysia Airports Consultancy Services Middle East, berjaya memperoleh sebuah kontrak bernilai RM23.58 juta di Lapangan Terbang Antarabangsa baharu Doha (NDIA) di Qatar.

Kontrak itu melibatkan pembekalan perkhidmatan pengurusan kemudahan bagi pejabat projek NDIA, gudang sementara NDIA dan kemudahan berkaitan di pejabat Jawatankuasa Penyelarasan NDIA di Doha.

Sementara itu, bagi prospek masa depan, Pengarah Urusan MAHB Datuk Badlisham Ghazali menyifatkan industri penerbangan Asia Pasifik yang kukuh akan menjadi pemangkin bagi MAHB mengekalkan pendapatannya sebelum faedah, cukai, penyusutan dan sasaran pelunasan sebanyak RM1.55 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Dis, 2015.

Menurutnya, peningkatan keyakinan perniagaan serta pertumbuhan yang memberangsangkan dalam pasaran utama seperti di rantau ASEAN, turut menyebelahi pihak MAHB.

Berdasarkan aspek itu serta status KLIA2 yang kini beroperasi sepenuhnya, Badlisham menjangkakan prestasi MAHB dapat dipertingkatkan mulai tahun ini serta tempoh-tempoh seterusnya.

Selain itu, keuntungan pracukai MAHB meningkat 50.8 peratus kepada RM834.2 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Dis, 2014 berbanding RM553.2 juta sebelum ini terutamanya disebabkan keuntungan bagi belian berpatutan serta penyelarasan nilai pelaburan.

Hasilnya, bagaimanapun merosot kepada RM3.34 bilion daripada RM4.1 bilion yang dicatatkan sebelum ini. -



Selasa, 5 Mei 2015

## **2. CUEPACS harap imbuhan penjawat awam di atas garis kemiskinan**

BUKIT MERTA JAM: Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) berharap kerajaan dapat mempertimbangkan kenaikan imbuhan penjawat awam termasuk gaji yang berada di atas paras kemiskinan.

Presidennya, Datuk Azih Muda berkata, pelaksanaan gaji minimum yang bertepatan dengan keadaan semasa akan membolehkan seseorang penjawat awam memberi fokus kepada kerja mereka dan meningkatkan produktiviti.

"Gaji minimum kena atas garis kemiskinan. Kita nak setiap orang kerja kerajaan mampu urus keluarga, mampu beli sebuah rumah kediaman dan dalam keadaan kondusif...kerja dan fokus, tak perlu fikirkan lain. Ini pendekatan produktiviti. Produktiviti tak ada kalau tak boleh tumpu sepenuhnya kepada kerja. Kalau nak fokus perlu ada kecukupan," katanya kepada pemberita hari ini.

Beliau berkata demikian selepas majlis perasmian Perhimpunan Hari Pekerja Peringkat Negeri Pulau Pinang di Politeknik Seberang Perai di sini yang disempurnakan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata ketika ini terdapat 1.6 juta penjawat awam dan CUEPACS sentiasa mengkaji dan membuat analisis sendiri tentang keperluan penjawat awam.

"Kalau penjawat awam dalam keadaan miskin, terpaksa bergantung kepada bantuan, (pendapatan) sekadar boleh 'survive' (hidup) ini tak bagus untuk negara terutama apabila menjadi negara maju.

"Kerana itu, menjadi harapan kami gaji minimum ketika ini dinaikkan daripada RM800 kepada RM1,200, walaupun kita tahu kalau di bandar besar gaji bawah RM3,000 masih di bawah paras miskin. Kalau letak RM1,200 bermakna kita dah mula nilai kemampuan seseorang individu," katanya.

Sementara itu, Azih berharap akan ada berita baik untuk penjawat awam diumumkan dalam pembentangan Rancangan Malaysia ke-11 dan Bajet 2016.

"Sebelum itu, kami berharap akan ada forum untuk penjawat awam supaya kerajaan boleh nyatakan cadangan-cadangan kerajaan dari segi penambahbaikan sektor awam terutama keperluan kita atas tuntutan yang pernah dibuat," katanya.

Mengulas laporan sebuah portal berita bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kini mengawal jumlah perjawatan bagi semua kementerian dan jabatan bermula 22 April lalu, Azih berkata beliau tidak menerima pekeliling kerajaan berkenaan perkara itu dan jika maklumat itu betul beliau berharap ia hanya bersifat sementara.

"Saya minta perkara ini bersifat sementara dan bila dah stabil boleh dilakukan pengambilan semula. CUEPACS juga ingin mencadangkan kepada kerajaan, supaya ia tidak mengganggu "succession plan".

"Pekerja bersara, yang meninggal dan berhenti perlu diganti. Perlu ada pelan penggantian. Dalam hal ini, CUEPACS bimbang persepsi golongan muda kepada kerajaan. Kerajaan mungkin melihat angka 1.6 juta penjawat awam ketika ini agak ramai dan kerajaan hendak kawal pengambilan supaya tidak melebihi waran iaitu 1.7 juta," katanya.



Rabu, 6 Mei 2015

### **3. Iskandar Malaysia catat pelaburan baharu RM7.98b**

JOHOR BAHRU: Iskandar Malaysia mencatat pelaburan baharu bernilai RM7.98 bilion bagi tempoh suku pertama tahun ini.

Nilai itu menjadikan jumlah pelaburan komited kumulatif pelaburan mencecah RM166.10 bilion sejak 2006 hingga 31 Mac lalu.

Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata daripada jumlah pelaburan komited kumulatif itu, sebanyak RM78.53 bilion atau 47 peratus adalah pelaburan yang direalisasikan sebagai projek di wilayah berkenaan.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Pusat Data Synergycloud dan Kemudahan Perkomputeran Cloud di sini, sebentar tadi.

#### 4. Malaysia memanfaatkan pelaburan hartanah London

KUALA LUMPUR: Malaysia adalah antara negara yang memanfaatkan pasaran hartanah yang lumayan dan telus di London, United Kingdom.

"Peraturan British yang jelas memudahkan pelabur asing menjalankan urusan niaga di United Kingdom," kata Knight Frank LLP, perunding utama hartanah global bebas, menerusi satu kenyataan hari ini.

Antara urusan niaga terbaru membabitkan Malaysia ialah penjualan pejabat utama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) - One Sheldon Square - di Paddington kepada REIT UK British Land sebanyak STG210 juta (RM1.14 bilion) dengan hasil 4.5 peratus.

Pada 2013, Kumpulan Wang Persaraan (KWP) membeli bangunan pencakar langit yang direka bentuk oleh Richard Rogers, 88 Wood Street, daripada National Pension Service of Korea membabitkan STG200 juta (RM927.11 juta), dengan hasil sebanyak 5.8 peratus.

Urusan niaga lain termasuk pembelian sebuah bangunan kerajaan oleh Tabung Haji bernilai STG205 juta (RM1.11 bilion).

Selain itu, rejim percukaian dan pajakan untuk tempoh yang panjang di United Kingdom memberikan pelabur persekitaran pelaburan yang lebih terjamin, katanya, sambil menambah bahawa pelabur dapat mengakses maklumat pasaran yang tepat mengenai aset tertentu.

London adalah antara bandar terbesar dan paling dinamik di dunia, sekali gus menawarkan pelbagai peluang pelaburan. Ia mempunyai keupayaan untuk berkembang dan mewujudkan subpasaran baharu, kata kenyataan itu.

#### 5. Tindakan tegas didik peniaga patuh peraturan

SEBULAN selepas pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), kini sudah mula kelihatan petanda jelas, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) tidak memberi ruang kepada peniaga untuk mengaut keuntungan berlebihan, memanipulasi isu dan menipu pengguna.

Sejak seminggu lalu, banyak kes sudah dihadapkan ke Mahkamah Khas Antipencatutan dan banyak lagi kertas siasatan sedang dikemaskini untuk tindakan susulan.

Wartawan BH Ahad, MOHD AZIS NGAH mendapatkan penjelasan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek dan Timbalan Presiden Gabungan Persatuan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abdul Rahman mengenai perkara ini serta peranan yang perlu dimainkan pengguna untuk memastikan undang-undang sedia ada dihormati dan dilaksanakan secara lebih efektif.

**BH: Boleh Datuk Seri jelaskan secara ringkas mengenai 'Mahkamah Catut'.**

**Hasan Malek:** Perkara ini adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk menangani kenaikan harga barang dan caj bagi perkhidmatan berikutan pengenalan GST. Jemaah Menteri memutuskan agar satu Mahkamah Khas Antipencatutan bagi tujuan pendakwaan atas kesalahan mencatut diwujudkan untuk memastikan kes bersabit kesalahan mencatut dapat diberikan perhatian serius dan diselesaikan dengan segera. Ia bersidang sama seperti Mahkamah Sesyen yang lain, beroperasi di setiap negeri dan bersidang di kompleks mahkamah biasa. Dalam erti kata mudah, ia hampir sama dengan perbicaraan kes kesalahan trafik.

**BH: Kenapa perlunya diwujudkan mahkamah khas ini?**

**Hasan Malek:** Mahkamah Khas Antipencatutan diwujudkan dengan beberapa tujuan. Pertamanya untuk mengadili kes kesalahan mencatut bersabit dengan GST di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan Peraturan-peraturan di bawahnya. Keduanya kerana keseriusan kerajaan dalam menangani isu kenaikan harga barang dan caj bagi perkhidmatan dengan mengenakan tindakan tegas seterusnya menyampaikan mesej yang jelas daripada kerajaan kepada peniaga yang masih ingkar. Dengan adanya mahkamah khas ini juga, ia mampu menjimatkan masa dan berupaya memberi tindakan yang cepat dalam menyelesaikan kes selain memberi keyakinan kepada orang ramai bahawa pelaksanaan GST tidak akan memberi kesan negatif kepada pengguna.

**BH: Setakat ini, berapa banyak kes yang disiasat dan sudah dibawa ke peringkat Jabatan Peguam Negara untuk proses pendakwaan?**

**Hasan Malek:** Kementerian telah bertindak tegas dalam menangani isu pencatutan berkaitan pelaksanaan GST. Sehingga 30 April 2015, sebanyak 34 kertas siasatan telah dibuka untuk siasatan lanjut. Daripada jumlah itu sebanyak 15 kes telah diambil tindakan di bawah Seksyen 14 AKHAP 2011 kerana kesalahan mencatut manakala 19 kes adalah kesalahan di bawah Seksyen 21(5) akta tersebut kerana gagal memberi maklum balas kepada notis yang dikeluarkan. Sehingga kini sebanyak tujuh kertas siasatan telah dirujuk kepada Bahagian Undang-undang Kementerian untuk mendapatkan pandangan dan izin pendakwaan membabitkan tiga kes di bawah Seksyen 14 dan 4 kes di bawah Seksyen 21(5). Tiga kes berhubung dengan perlakuan mencatut dan peniaga yang gagal memberi penjelasan berhubung kenaikan harga akan didakwa di Mahkamah pada minggu hadapan. Manakala, dua kes lagi sudah diberi keizinan untuk dikompaun.

**BH: Jumlah notis amaran atau saman yang sudah dikeluarkan KPDNKK?**

**Hasan Malek:** KPDNKK mengeluarkan notis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 ke atas peniaga yang menaikkan harga untuk memberikan penjelasan melalui penguatkuasaan OPS HARGA pada 2013 dan 2014. Tindakan ini diteruskan lagi melalui penguatkuasaan OPS CATUT pada 2015. Tindakan undang-undang juga akan diambil ke atas peniaga yang gagal memberikan penjelasan terhadap kenaikan berkenaan. Bagi tahun 2013, sebanyak 223 notis dikeluarkan dengan nilai kompaun sebanyak RM340,880. Pada tahun 2014, sebanyak 93 notis dikeluarkan dan nilai kompaun RM323,680.00. Bagi tahun 2015, melalui penguatkuasaan OPS CATUT jumlah pengeluaran notis sehingga 30 April lalu ialah sebanyak 1,026 bagi mendapatkan penjelasan berhubung kenaikan harga dan nilai kompaun RM424,316.

**BH: Bagaimana dengan prosedur sebelum pendakwaan di mahkamah terutama melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 kerana ada yang mendakwa, ramai peniaga mengabaikan notis tiga hari untuk memberi tunjuk sebab?**

**Hasan Malek:** Siasatan akan dijalankan ke atas setiap aduan lengkap yang diterima daripada pengguna berhubung kenaikan harga oleh pegawai penguatkuasa. Mereka akan mendapatkan penjelasan kenaikan harga itu melalui pengeluaran notis secara bertulis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Melalui cara ini, mereka akan memeriksa dan mendapatkan maklumat bersama dokumen berkaitan pembayaran dan pembekalan barang atau perkhidmatan untuk menentukan margin keuntungan bersih peniaga. Bagi peniaga yang didapati gagal mengemukakan maklumat dan penjelasan atau menaikkan margin keuntungan bersih dalam tempoh yang ditetapkan, mereka akan didakwa di mahkamah.

**BH: Ramai peniaga dikatakan memanipulasi isu GST, contohnya mengeluarkan pernyataan mengelirukan dalam iklan untuk barangan atau perkhidmatan. Setakat ini, berapa ramai yang sudah dikenakan tindakan mengikut Akta Perihal Dagangan 2011 (Akta 730)?**

**Hasan Malek:** KPDNKK mengambil perhatian serius terhadap peniaga yang mengambil kesempatan menggunakan GST untuk tujuan promosi atau iklan yang bertujuan mengelirukan pengguna. Sebanyak lima kes telah dihasilkan terhadap peniaga yang didapati mengambil kesempatan menggunakan pernyataan palsu atau yang mengelirukan dalam iklan GST dan dalam peringkat siasatan.

**BH: Bagaimana pula dengan kes peniaga menaikkan harga tanpa kelulusan pihak berwajib?**

**Hasan Malek:** Setakat ini, sebanyak 2,144 tindakan kes dihasilkan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011. Daripada jumlah itu, 15 kes bersabit kesalahan mencatut dalam menjual barangan dan perkhidmatan, 19 kes kesalahan di bawah Seksyen 21(5) enggan memberi maklumat dan 2,042 kes kesalahan tidak meletakkan tanda harga bagi barangan yang dijual. Selain itu, lima lagi kes kerana kesalahan menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan, 53 kes kesalahan gagal mempamerkan tanda harga khas (merah jambu) dan 10 kes kesalahan pelabelan barangan tersedia bungkus.

**BH: Boleh Datuk Seri jelaskan mengenai isu peniaga gagal mempamerkan tanda harga mengelirukan atau langsung tiada tanda harga?**

**Hasan Malek:** Perkara ini berkaitan dengan Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993 iaitu satu perintah yang dikeluarkan bertujuan mewajibkan peniaga yang menjalankan perniagaan secara runcit mempamerkan harga bagi barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan. Peniaga yang gagal meletakkan tanda harga atau senarai harga ke atas barangan yang dijual boleh didenda. Kampaun maksimum ke atas individu ialah sebanyak RM50,000 (kesalahan pertama) atau dua tahun penjara atau kedua-duanya sekali. Bagi kesalahan kedua atau berikutnya denda sebanyak RM100,000 atau lima tahun penjara atau kedua-duanya sekali. Manakala bagi denda ke atas Pertubuhan Perbadanan atau Syarikat ialah RM100,000 bagi kesalahan pertama dan RM250,000 bagi kesalahan kedua atau berikutnya. Kampaun maksimum bagi individu pula ditetapkan sehingga RM25,000 dan kampaun maksimum bagi Pertubuhan Perbadanan atau syarikat ialah sehingga RM50,000.

**BH: Masih ramai pengguna yang keliru dengan harga kad tambah nilai prabayar dan caj perkhidmatan. Apa hak pengguna dan saluran yang boleh digunakan?**

**Hasan Malek:** Pengenaan caj perkhidmatan adalah amalan yang telah lama dilakukan oleh peniaga dan bertujuan sebagai pemberian tip kepada pekerja industri perhotelan atau restoran sebagai memberikan tambahan pendapatan kepada pekerja yang kebanyakannya mempunyai jumlah pendapatan rendah. Kerajaan telah bersetuju caj ini diteruskan pemilik hotel dan restoran. Mereka yang mengenakan caj ini perlu mempamerkan penandaan caj perkhidmatan dengan jelas dan mudah dilihat oleh pengguna seperti yang diperuntukkan di dalam Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Caj Perkhidmatan Bagi Hotel dan Restoran) 2015 berkuatkuasa 1 Mei 2015.

Dengan adanya peraturan yang mewajibkan pengusaha hotel dan restoran mempamerkan notis pemberitahuan ini, pengguna perlu membuat pilihan untuk menikmati perkhidmatan atau pun makanan di premis berkenaan. Pengguna juga digalakkan membuat aduan kepada KPDNKK melalui talian telefon, saluran e-aduan Kementerian atau mana-mana pejabat Kementerian dan laporkan peniaga, pengusaha hotel atau restoran yang mengenakan caj perkhidmatan tetapi tidak mempamerkan notis berkenaan. KPDNKK memang memandang serius perkara ini dan akan

bertindak tegas ke atas hotel dan restoran yang tidak mempamerkan notis yang dikehendaki ataupun memberi apa-apa gambaran mengelirukan kepada pengguna. Bagi hotel dan restoran yang gagal mempamerkan notis ini boleh didenda sehingga RM100,000. Mengenai harga kad tambah nilai prabayar, ia sedang dikendalikan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).



Selasa, 12 Mei 2015

#### **6. 1MDB: Laporan awal akhir Jun - Jabatan Audit Negara**

KUALA LUMPUR: Jabatan Audit Negara (JAN) hari ini memaklumkan ia kini giat melakukan pengauditan ke atas syarikat 1Malaysia Development Bhd (1MDB) dan berusaha menyiapkannya secepat yang boleh.

Sehubungan itu, Jabatan Audit bercadang mengemukakan laporan awal pengauditan ini kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) selewat-lewatnya akhir Jun ini.

"Jabatan Audit Negara sememangnya memberi keutamaan terhadap tugas ini," demikian menurut Ketua Audit Negara dalam satu kenyataan sebagai maklum balas kepada pihak-pihak yang ingin mengetahui status terkini pengauditan jabatan itu terhadap 1MDB



Selasa, 12 Mei 2015

#### **7. Kontrak luar negara SapuraKencana beri isyarat industri O&G kembali aktif**

KUALA LUMPUR: Kontrak luar negara bernilai RM1 bilion yang diperoleh SapuraKencana Petroleum Bhd merupakan petunjuk awal mengenai peningkatan aktiviti minyak dan gas (O&G) selepas kejatuhan harga minyak sejak beberapa bulan yang lepas, kata Kenanga Research.

Menurutnya, projek di Mexico itu yang juga projek pertama SapuraKencana dalam industri O&G di negara terbabit, membuka peluang besar dalam tempoh jangka panjang.

"Kami akan menyemak secara keseluruhan sektor O&G selepas sesi pelaporan semasa berakhir dengan memihak kepada peningkatan," menurut firma penyelidikan itu dalam notanya hari ini.

Bagaimanapun, Kenanga Research menyatakan kontrak itu tidak mengejutkan memandangkan sudah ada cakap-cakap dalam pasaran beberapa minggu lepas bahawa kumpulan itu memperoleh kontrak di luar negara.

"Walaupun tempoh kontrak itu tidak dinyatakan, kami yakin ia membabitkan tempoh satu hingga dua tahun yang akan memberi sumbangan positif kepada kumpulan itu dalam tahun kewangan (FY) 2016 dan 2017," katanya.



Kenanga Research menyatakan ia sudah mengambil kira pemerolehan itu dalam unjurannya dengan hasil tambahan sebanyak RM500 juta pada FY16 dan FY17 dalam model kewangannya.

Ia mengekalkan saranan 'berprestasi pasaran' ke atas SapuraKencana dengan harga sasaran tidak berubah pada RM2.24.

SapuraKencana melaporkan memperoleh enam kontrak yang membabitkan pemasangan pelbagai struktur luar pesisir di Mexico, Indonesia, Vietnam dan India, semuanya bernilai AS\$269 juta (RM969 juta).

Sementara itu, CIMB Equities Research, menyatakan pelabur wajar mengumpul saham SapuraKencana.

Firma penyelidikan itu menyatakan, kontrak itu yang sudah dimasukkan dalam unjurannya akan meningkatkan projek dalam tangan SapuraKencana sebanyak empat peratus kepada kira-kira RM26.7 bilion.

"Kami memahami bahawa pengurusan menyasarkan untuk memperoleh sekurang-kurangnya RM1.0 bilion projek baharu tahun ini bagi menambah kepada hasil RM6.5 bilion sedia ada yang disasarkan untuk FY1/17.

"Lebih banyak kontrak pemasangan dan penggerudian di Amerika Utara dan Selatan serta India mungkin menyumbang sebahagian daripada tambahan RM1.0 bilion itu," katanya.

CIMB Equities Research menyatakan projek dalam tangan yang besar selain kedudukan yang baik dalam pasaran antarabangsa memberikan syarikat itu kelebihan berbanding saingannya.

Ia mencadangkan penarafan 'tambah' ke atas SapuraKencana, dengan harga sasaran RM3.14.

Pada 11.04 pagi, saham syarikat itu mencatatkan RM2.77, susut satu sen berbanding penutupan semalam. Sejumlah 2.89 juta saham bertukar tangan.

**8. RM9b LRT3 Bandar Utama-Klang diunjur siap Ogos 2020**

**PENGERUSI** Prasarana Malaysia Berhad Tan Sri Ismail Adam (kanan) melancarkan cadangan jajaran aliran LRT 3 (LRT3) hari ini. Turut hadir Azmi (tengah) dan Pengarah Pembangunan Projek Kumpulan Prasarana Datuk Zohari Sulaiman. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Pembinaan Transit Aliran Ringan Laluan 3 (LRT3) dari Bandar Utama ke Johan Setia, Klang dijangka bermula tahun depan.

Pengarah Urusan Prasarana Malaysia Bhd, Azmi Abdul Aziz, berkata kos pembinaan tidak termasuk kos belian tanah laluan baharu itu dijangka berjumlah RM9 bilion.

Beliau berkata, pembinaan laluan LRT3 sepanjang 35 kilometer itu dijangka siap sepenuhnya menjelang 31 Ogos 2020.

Katanya, projek itu dibangunkan sejajar dengan Pelan Pembangunan Rel Bandar di bawah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat.

Ia juga, jelasnya, adalah sebahagian daripada Pelan Induk Nasional Pengangkutan Awam Darat ke arah pembangunan sistem pengangkutan awam darat yang cekap, berkesan, bersepadu dan mapan bagi meningkatkan tahap sosio-ekonomi dan kualiti hidup yang lebih baik.

Beliau berkata demikian pada sidang media bagi mengumumkan sesi pemeriksaan awam berkenaan projek berkenaan sini hari ini.

Sesi pemeriksaan awam itu akan diadakan bermula Jumaat ini hingga 14 Ogos depan bagi mendapat maklum balas daripada orang ramai mengenai cadangan pembinaan LRT3.

**9. SPRM beku akaun RM4j Menteri Muda Sarawak**

*WARTAWAN hadir seawal jam 8.00 pagi dihadapan Pejabat SPRM cawangan Sarawak, menunggu kehadiran seorang Menteri Muda yang dipanggil oleh SPRM untuk diambil keterangan bagi membantu siasatan. - Foto Nadim Bokhari*

KUCHING: Seorang Menteri Muda dalam Kabinet Sarawak berdepan tindakan pembekuan akaun bernilai RM4 juta berkuatkuasa serta merta selepas didapati terbabit dalam rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Pengarah Bahagian Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Mohamad Jamidan Abdullah, berkata pihaknya mengambil tindakan berkekenaan selepas beliau dipercayai terbabit dalam penyalahgunaan kuasa dalam kontrak pembinaan bangunan 16 tingkat Baitulmakmur II, di sini, bernilai RM250 juta.

#### 10. 2015 tahun terbaik untuk pelaburan

KUALA LUMPUR: Pembentangan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11), pelaksanaan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dan tawaran awam permulaan (IPO) mega adalah faktor yang menjadikan 2015 sebagai tahun terbaik untuk membuat pelaburan, kata pakar pelaburan tempatan.

Presiden Persatuan Penganalisis Teknikal Malaysia (MATA), Datuk Dr Nazri Khan Adam Khan, berkata RMK11 yang bakal dibentangkan pada 21 Mei ini menjadi pelan induk terakhir sebelum memasuki 2020 dengan anggaran pakej keseluruhan RM350 bilion.

Beliau berkata, teras kepada RMK11 adalah Tun Razak Exchange (TRX) yang akan menjadikan Malaysia sebagai hab kewangan Islam setanding Switzerland yang kini hab kewangan dunia.

Ini bermakna syarikat dana patuh syariah bakal mendapat manfaat terbesar daripadanya dan TRX secara asasnya menjadi 'Wall Street Malaysia'.

"Saya menjangkakan TRX akan menjadi gerbang untuk Malaysia kepada dunia Islam, yang bermakna orang ramai bukan saja boleh melabur di dalam dana patuh syariah tempatan, malah dana patuh syariah asing.

"Dari segi kemajuannya pula, kerajaan difahamkan sudah menjemput sekitar 100 multinasional patuh Syariah terbesar dunia untuk datang (dan melabur) ke dalam TRX," katanya pada sidang media mengumumkan Program #ArifLabur anjuran Pelaburan MARA Bhd (PMB) di Kuala Lumpur, semalam.

Antara IPO mega tahun ini termasuk termasuk Malakoff Corporation Bhd yang dijadual untuk disenaraikan Jumaat ini serta Iskandar Waterfront Holdings, Sunway Construction dan Sime Darby Auto.

Dalam pada itu, beliau berkata, Rakyat Malaysia sewajarnya memanfaatkan fasa pembetulan teknikal ketika ini dengan membuat pelaburan sama ada dalam pasaran saham atau unit amanah.

Sambil menyifatkan tempoh pembetulan teknikal di pasaran saham sebagai fasa 'biasa' tahunan, beliau berkata persekitaran pasaran yang lemah ketika ini dan seiring penurunan ringgit dan harga minyak mentah seharusnya menjadi tarikan bagi kalangan penggiat pasaran untuk melabur.

"Lazimnya dalam bulan-bulan Mei dan Jun setiap tahun, pasaran (saham) akan mengukuh dan ia adalah biasa. Saya rasa, alasan utama ia berlaku sekarang adalah jangkaan bahawa Amerika Syarikat akan menaikkan kadar faedahnya.

"Sebelum ini, pasaran lazimnya akan kembali pulih pada beberapa bulan selepas fasa pengukuhan berkenaan. Sehubungan itu, gunakan peluang (pengukuhan) itu untuk membuat pelaburan secara langsung atau tidak langsung," katanya.



Khamis, 14 Mei 2015

#### **11. TI-M sedia bantu SPRM banteras pembalakan haram**

KUALA LUMPUR: Transparency International-Malaysia (TI-M) telah menawarkan diri untuk bekerjasama rapat dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menangani aktiviti pembalakan haram di negara ini.

Presidennya, Datuk Akhbar Satar, berkata TI-M bersedia bekerjasama dengan SPRM untuk memastikan amalan pengurusan hutan mampan yang baik serta mengurangkan penurunan hasil pendapatan negara menerusi pembalakan yang sah.

"Pembalakan haram hanya boleh hidup dengan membiarkan banyak orang terbabit dalam industri ini. Rasuah adalah pemacu utama pembalakan haram," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Justeru, Akhbar menggesa lebih banyak serbuan bersepadu antara SPRM dan agensi kerajaan lain dijalankan dalam menentang rasuah dalam sektor perkayuan serta membendung aktiviti pembalakan haram.

TI-M turut memuji kejayaan 'Ops Gergaji' oleh SPRM dan usaha Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem terhadap aktiviti pembalakan haram dan rasuah dalam industri itu.

Dalam 'Ops Gergaji' yang dijalankan serentak di 48 lokasi di Sarawak, Isnin lepas, SPRM merampas 700 kayu balak bernilai RM600,000 dari kolam balak, kilang papan dan premis perniagaan serta membeku 375 akaun syarikat pembalakan dan individu bernilai lebih RM560 juta.

## 12. Pertumbuhan KDNK Malaysia lebih tinggi daripada kebanyakan negara - Husni

IPOH: Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia sebanyak 5.6 peratus yang dicatat pada suku pertama 2015 adalah lebih tinggi berbanding kebanyakan negara anggota Asean dan negara maju yang lain, kata Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

Beliau berkata, pertumbuhan KDNK itu membolehkan Malaysia mengekalkan kadar pengangguran pada tiga peratus, yang juga pekerjaan penuh berdasarkan standard antarabangsa.

"Meskipun ekonomi dunia tidak menentu, prestasi kita lebih baik berbanding negara lain dari segi pertumbuhan ekonomi, diketuai permintaan domestik dan disokong oleh penggunaan swasta yang kukuh serta pelaburan," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Ahmad Husni berkata, KDNK Malaysia lebih tinggi berbanding kebanyakan negara ASEAN, termasuk Singapura (2.1 peratus) dan Indonesia (4.7 peratus), serta Korea Selatan (2.4 peratus), Amerika Syarikat (3 peratus), UK (2.4 peratus), dan Jerman (1.1 peratus).

Beliau berkata, kadar pengangguran Malaysia juga rendah berbanding negara lain seperti AS dan UK (5.6 peratus), Jerman (4.7 peratus), Greece (25.5 peratus), Sepanyol (23.8 peratus), dan Itali (12.8 peratus).

Ahmad Husni berkata, Dana Monetari Antarabangsa mengunjurkan ekonomi dunia akan berkembang sedikit kepada 3.5 peratus tahun ini berbanding 3.4 peratus tahun lepas, manakala prestasi ASEAN akan lebih baik pada 2015 sebanyak 5.2 peratus KDNK berbanding 4.6 peratus tahun lepas.

Beliau berkata, sektor swasta terus menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi Malaysia dengan pelaburan meningkat berbanding suku keempat tahun lepas, manakala jumlah penggunaan turut mencatat pertumbuhan kukuh.

Mengenai pertumbuhan, beliau berkata jumlah penggunaan pada suku pertama tahun ini juga mencatatkan pertumbuhan 7.9 peratus hasil perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi yang sebahagian besar disumbang oleh makanan dan minuman bukan alkohol (7.1 peratus), komunikasi (10.1 peratus) dan pengangkutan (8.8 peratus).

Bagi bekalan, beliau berkata hanya sektor pertanian mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak -4.7 peratus, manakala sektor lain mencatat prestasi yang lebih baik iaitu perlombongan (9.6 peratus), pembuatan (5.6 peratus), pembinaan (9.7 peratus), dan perkhidmatan (6.4 peratus).

Beliau berkata, sektor pertanian terjejas akibat penurunan harga minyak sawit yang menyumbang 41 peratus kepada sektor terbabit.

Bagaimanapun, beliau berkata sektor perlombongan dirangsang oleh pertumbuhan dua angka dalam pengeluaran minyak mentah, didorong oleh pengeluaran dari medan baharu Gumusut-Kakap di Sabah.

Ahmad Husni berkata, kejayaan Prasarana Malaysia Berhad memenangi kontrak untuk mengurus operasi dan menyelenggara sistem metro Arafah-Mina semasa musim haji mulai tahun ini akan membantu syarikat itu memperoleh lebih banyak projek di Arab Saudi.

Beliau berkata, antara lain Prasarana menyasarkan sistem metro dan monorel di Riyadh, Madinah dan Jeddah, selain menyediakan perkhidmatan perundingan bagi operasi dan penyelenggaraan perkhidmatan bas sekolah di sana.



Isnin, 18 Mei 2015

### **13. ASEAN perlukan kemajuan ekonomi mampan, terangkum - Najib**

KUALA LUMPUR: Kemajuan ekonomi yang diperlukan ASEAN mestilah mampan dan terangkum, dengan hasil kejayaan dikongsi bersama, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Beliau berkata, penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) menjelang akhir tahun akan membolehkan aliran barangan, perkhidmatan, pelaburan dan tenaga kerja mahir yang lancar di rantau berkenaan.

"Semua petunjuk dan corak memihak kepada kita," katanya dalam ucap tama pada Persidangan Ke-18 Minyak dan Gas Asia 2015 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini, hari ini.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata kelembapan ekonomi di China tidak akan meminggirkan Asia sebagai pusat tumpuan, dengan Asia Tenggara sudah berubah daripada rantau yang berkonflik dan miskin kepada rantau yang maju dan berkembang sejak empat dekad lalu.

"Sejak 2001, 10 negara anggota ASEAN berkembang 300 peratus. Gabungan ASEAN sudah pun menjadikannya ekonomi ketujuh terbesar di dunia," katanya, dan menambah, ia dijangka menjadi keempat terbesar menjelang 2050 selewat-lewatnya.

"Ketika ini kita sudah pun menjadi rantau pengeksport keempat terbesar di dunia," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata, perbandaran ASEAN dan golongan kelas pertengahan yang semakin besar, dijangka mencecah 144 juta menjelang 2017, akan meningkatkan pertumbuhan dan permintaan pengguna ke atas tenaga.



"Penggunaan tenaga per kapita semasa hanya separuh daripada purata dunia, sekali gus akan berlaku peningkatan permintaan yang ketara," katanya.

Najib menegaskan bahawa selaku pengerusi ASEAN tahun ini, Malaysia akan memastikan usaha pembangunan komuniti berpaksikan rakyat - seperti Bajet terkini yang memfokuskan kepada Ekonomi Rakyat.



Isnin, 18 Mei 2015

#### **14. Hutang kerajaan Persekutuan hampir RM600b setakat Mac**

KUALA LUMPUR: Jumlah hutang kerajaan Persekutuan pada akhir Mac lalu sebanyak RM596.8 bilion atau 52.1 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), persidangan Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chua Tee Yong, berkata daripada jumlah itu sebanyak 97 peratus atau RM579.2 bilion merupakan hutang domestik manakala RM17.6 bilion atau tiga peratus lagi membabitkan pinjaman luar pesisir.

"Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana," katanya ketika menjawab soalan Nga Kor Ming (Taiping-DAP) dalam sesi soal jawab pada persidangan Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Nga meminta kerajaan menyatakan jumlah hutang sebenar negara setakat April 2015 serta langkah kerajaan untuk mengurangkannya.

Chua berkata, kerajaan Persekutuan juga kekal komited dalam memastikan paras hutangnya tidak melebihi 55 peratus daripada KDNK.

"Bagi memastikan paras hutang kerajaan kekal rendah dan terurus, langkah konsolidasi fiskal akan terus diamalkan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat," katanya.

Selain langkah penjimatan seperti memastikan peruntukan dibelanjakan dengan berhemat, cekap dan berkesan, kerajaan juga menetapkan pinjaman yang dibuat harus mampu memberi pulangan kepada negara dan rakyat dalam tempoh jangka masa panjang.

Beliau berkata, kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik, terus diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan makroekonomi terus kukuh serta dapat menampun sebarang krisis.



Katanya, kerajaan juga akan memastikan hutang luar negeri sentiasa berada kurang daripada RM35 bilion, dan sehingga akhir Mac lepas, hutang luar pesisir Kerajaan Persekutuan berjumlah RM17.6 bilion, jauh lebih rendah daripada had yang dibenarkan mengikut Akta Pinjaman Luar 1963.



Selasa, 19 Mei 2015

### **15. 1MDB akan mencapai matlamatnya walau berdepan kritikan – PM**

PUTRAJAYA: Datuk Seri Najib Razak berkata Kementerian Kewangan akan melaksanakan langkah sewajarnya bagi mengurangkan hutang 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, walaupun berdepan pelbagai kritikan beliau yakin 1MDB akan mencapai matlamat.

"Banyak cerita negatif berkenaan isu 1MDB, soal ini akan terjawab dalam sedikit masa lagi apabila Jabatan Audit Negara bantangkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

"Walaupun berdepan kritikan lambat laun akan buktikan 1MDB akan mencapai matlamatnya," katanya ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan di sini sebentar tadi.

Najib yang juga Pengerusi Lembaga Penasihat 1MDB, mengarahkan Ketua Audit Negara mengesahkan akaun firma pembangunan strategik milik kerajaan itu pada 4 Mac lalu.

"Kita percaya langkah ini boleh dilakukan untuk mengurangkan jumlah hutang 1MDB. Inilah usaha yang dilakukan kerajaan. Saya yakin Kementerian Kewangan dapat melaksanakan langkah itu walaupun berdepan dengan begitu banyak kritikan.

"Kita boleh buktikan langkah ini boleh mencapai matlamatnya. Dari semasa ke semasa, kita akan mengambil langkah yang perlu diambil," katanya.

Ahad lalu, Najib berkata laporan mengenai 1MDB akan memperincikan butiran kewangan syarikat pelaburan itu. Beliau berkata rakyat harus mendapatkan maklumat daripada sumber sahih (seperti Ketua Audit Negara) dan bukannya diperoleh daripada portal berita pihak ketiga atau mana-mana blog dalam talian yang mempunyai agenda tersembunyi.

Sementara itu, 1MDB dalam kenyataan di laman webnya semalam berkata lembaga pengarah dan barisan pengurusan akan memberi kerjasama penuh dan hanya menjawab soalan daripada pihak bebas termasuk Ketua Audit Negara, Polis Diraja Malaysia dan PAC.

#### 16. Baki pelaburan 1MDB di Cayman ditebus dalam bentuk aset

KUALA LUMPUR: Kerajaan hari ini menjelaskan bahawa baki pelaburan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang diuruskan oleh Cayman Monetary Authority sebanyak AS\$1.103 bilion, telah ditebus dalam bentuk aset dan bukannya wang tunai.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata, baki pelaburan itu ditebus dalam mata wang dolar US (US\$) dan masih disimpan di BSI Bank Limited Singapore (BSI Singapore), bertujuan untuk mengimbangi liabiliti dolar US syarikat.

"Bank ini merupakan penjaga bagi pihak 1MDB ke atas aset tersebut," kata Najib yang juga Menteri Kewangan dalam jawapan bertulis kepada Tony Pua Kiam Wee (DAP-Petaling Jaya Utara), yang diedarkan di Dewan Rakyat, di sini hari ini.

Pua bertanya sama ada kumpulan 1MDB masih mempunyai US\$1.1 bilion secara tunai dalam akaun Bank BSI, yang merupakan penebusan daripada pelaburan di Cayman Islands.

Menurut Najib, penjelasan ini merupakan pindaan kepada jawapan kerajaan pada Mac lepas bahawa baki dana pelaburan syarikat pelaburan strategik kerajaan itu telah ditebus dan dalam bentuk wang tunai. - BERNAMA



### **17. Syarikat O&G negara jana RM3.54b potensi jualan pada OTC**

KUALA LUMPUR: Peserta pameran Malaysia yang diterajui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), menjana RM3.54 bilion potensi jualan sepanjang Persidangan Teknologi Luar Pesisir (OTC) 2015, ketika industri minyak dan gas melalui fasa pemulihan.

Delegasi negara berjaya memperoleh jualan tinggi ekoran syarikat utama dalam industri minyak dan gas kini memerlukan bekalan baharu yang kompetitif.

Pengarah Bahagian Minyak & Gas dan Kimia MATRADE, Abu Bakar Koyakutty berkata jualan sebahagian besarnya dijana menerusi sektor produk, termasuk peralatan paip keluli, sambungan premium serta peranti perlindungan tahan petir serta selongsong dan tiub.

Astaka Malaysia di OTC 2015 menempatkan 19 pengilang dan penyedia perkhidmatan dalam sektor minyak dan gas, termasuk Eversendai Engineering dan Muhibbah Engineering (M) Bhd.

Sepanjang pameran empat hari itu, MATRADE juga mengatur lebih 200 pertemuan perniagaan bersemuka untuk peserta pameran Malaysia.

Sempena acara itu, Pavilion Malaysia turut menjayakan Perbincangan Industri dengan mengetengahkan pakar daripada kalangan peserta pameran minyak dan gas serta tokoh luar dalam industri terbabit, kata agensi penggalakan perdagangan itu dalam satu kenyataan.

Abu Bakar berkata MATRADE akan terus mempromosi sektor minyak dan gas kepada pasaran dunia dan menyediakan platform untuk produk yang sedia untuk dieksport bagi syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Selain OTC, MATRADE akan menganjurkan misi khas tahun ini untuk sektor minyak dan gas ke negara seperti Azerbaijan, Kazakhstan, Indonesia, Timor-Leste, Myanmar, Kuwait, Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi dan Vietnam.

Menerusi misi ini, syarikat minyak dan gas Malaysia boleh menembusi pasaran antarabangsa dengan menyediakan produk dan perkhidmatan berkualiti tinggi untuk memenuhi kehendak peserta global," katanya.

### **18. RMK11: Siling perbelanjaan RM260 bilion – PM**

KUALA LUMPUR: Kerajaan memperuntukkan siling perbelanjaan pembangunan RM260 bilion bagi pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) dari 2016 hingga 2020, lima tahun terakhir sebelum Malaysia memasuki era negara maju.

Jumlah itu lebih tinggi berbanding peruntukan RMK10 yang berakhir tahun ini, iaitu sebanyak RM230 bilion.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, ketika membentangkan RMK11 di Dewan Rakyat hari ini, berkata peruntukan itu akan memastikan sumbangan signifikan berterusan sektor utama seperti perkhidmatan, pembuatan, pertanian, serta perusahaan kecil dan sederhana kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

"Rancangan Malaysia Ke-11 ini adalah pelonjak akhir sebelum kita memasuki gelanggang negara maju. Pada waktu itu kita seharusnya telah mencapai beberapa perkara seperti Pendapatan Negara Kasar per kapita AS\$15,000.

"Kadar Pekali Gini negara dijangka semakin mengecil daripada 0.401 pada 2014 kepada 0.385 pada 2020," kata Najib yang juga Menteri Kewangan.

Namun, dalam pembentangan selama sejam bermula 11.30 pagi itu, Najib turut mengingatkan bahawa negara maju tidak boleh didefinisikan dari sudut pendapatan per kapita semata-mata, sekalipun dari segi piawaian antarabangsa nilai tersebut menepati tahap pendapatan negara maju.

Justeru, katanya di bawah RMK11, pelbagai projek telah dirancang bagi memacu kebolehdayaan ekonomi rakyat dengan memastikan pembangunan bandar dan luar bandar adalah saling melengkapi.

Beliau berkata, pelbagai pembangunan infrastruktur berimpak tinggi dirancang bagi mencapai status negara maju termasuk pembinaan lebuh raya, kemudahan Transit Aliran Massa (MRT) dan Transit Aliran Ringan (LRT), loji jana kuasa elektrik, loji rawatan air dan inisiatif Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi.

Antaranya, kerajaan akan membina jalan berturap sepanjang 3,000 kilometer lagi di luar bandar bagi tempoh 2016-2020 serta meningkatkan akses bekalan air dan elektrik di seluruh negara kepada 99 peratus pada 2020.

Untuk bekalan air bersih dan terawat, lebih RM10 bilion diluluskan melalui Projek Bekalan Air Luar Bandar dan RM3 bilion untuk Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar.

Bagi pengangkutan awam pula, RMK11 akan menyaksikan pembinaan Klang Valley Mass Rapid Transit Laluan Sungai Buloh ke Kajang, Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya dan LRT3.

"Seterusnya, loji-loji jana kuasa elektrik baharu untuk menjana 7,626 megawatt kuasa elektrik akan dibina. Antaranya ialah tiga projek loji jana kuasa elektrik arang batu di Johor, Perak dan Negeri Sembilan serta dua projek loji jana kuasa elektrik gas di Pulau Pinang dan Johor.

"Ini semua dianggar melibatkan pelaburan RM28 bilion dan akan mewujudkan lebih kurang 35,000 peluang pekerjaan baharu," katanya.

Selain itu, pembinaan lapangan terbang Mukah dan Lawas di Sarawak, pembesaran lapangan terbang Kota Bharu serta penambahbaikan Pelabuhan Kuantan juga akan dilaksana semasa RMK11.

Najib berkata, RMK11 juga akan menyaksikan terminal Padang Besar dinaik taraf bagi merancakkan lagi kendalian kargo dari selatan Thailand untuk dieksport melalui Pelabuhan Klang.

Selain itu, pembangunan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang akan diteruskan dengan pelaburan sebanyak RM53 bilion pada 2016.

Berhubung pembangunan ekonomi wilayah, Najib berkata kerajaan menyasarkan RM236 bilion pelaburan dan mewujudkan 470,000 pekerjaan lagi di lima koridor wilayah iaitu Iskandar Malaysia, Koridor Pembangunan Sabah, Wilayah Ekonomi Pantai Timur, Koridor Utara dan Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak.

"Dalam tempoh 2011 hingga 2014, kelima-lima koridor wilayah tersebut telah berjaya menarik pelaburan komited sebanyak RM307 bilion dengan 57 peratus atau RM175 bilion pelaburan, serta menjana lebih 427,000 peluang pekerjaan," katanya.

Bagi melengkapi pembangunan di Lembah Kelang, sebuah projek pembangunan bersepadu baharu dikenali Malaysia Vision Valley akan dibangunkan di bahagian barat Negeri Sembilan.

Projek meliputi beberapa kluster strategik di Nilai, Seremban dan Port Dickson dengan cadangan kawasan seluas 108,000 hektar.

Najib berkata secara keseluruhan, melalui RMK11 itu sebanyak 1.5 juta peluang pekerjaan baharu bakal diwujudkan dengan menambah baik produktiviti buruh dan gaji serta mempertingkatkan kecekapan operasi pasaran buruh.

### **19. Perpaduan, kestabilan politik, kemantapan ekonomi penentu kejayaan RMK11 - TPM**

KUALA LUMPUR: Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menekankan bahawa perpaduan rakyat, kestabilan politik dan kemantapan ekonomi adalah asas utama dalam menjayakan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11).

Beliau berkata, kerajaan telah mengambil kira faktor berkenaan kerana keadaannya boleh berubah sepanjang tempoh lima tahun pelaksanaan pelan pembangunan itu.

"Dokumen RMK11 menjadi sangat penting...Ia bukan dokumen kerajaan semata-mata, ini hak rakyat dan memerlukan penglibatan masyarakat serta rakyat, bukan sahaja di peringkat kepimpinan.

"Kerjasama daripada segenap lapisan rakyat dalam mengukuhkan perpaduan dan mengelakkan sebarang isu seperti perkauman menjadi asas penting kepada kejayaan RMK11," katanya kepada pemberita selepas pembentangan RMK11 di Dewan Rakyat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Selain itu, katanya, bagi memastikan tidak tersasar daripada matlamat asal RMK11, intervensi sepanjang tempoh lima tahun akan dilakukan bagi menilai semula segala rancangan seperti apakah ada pelaksanaannya menghadapi kekangan dari segi dasar, sumber mahupun kewangan.

"Biasanya akan ada kajian separuh penggal dalam tempoh dua tahun...walaupun akan ada turun naiknya, tapi matlamat akhir menjelang 2020 pendapatan per kapita AS\$15,000 akan tercapai dan mengikut ramalan pakar ekonomi ia akan tercapai," kata Muhyiddin.

Sementara itu, mengenai enam strategi tumpuan RMK11 iaitu inklusiviti, kesejahteraan rakyat, modal insan, pertumbuhan hijau, infrastruktur serta inovasi dan produktiviti, beliau berkata dengan penekanan terhadap dasar-dasar itu, ia diharap dapat melonjakkan Malaysia ke tahap yang lebih maju dan berjaya.

"Bagi pembangunan modal insan, aspek pendidikan dan latihan telah disebut sebagai satu daripada fokus RMK11, jadi tanggungjawab Kementerian Pendidikan adalah lebih besar.

"Perlu meneliti beberapa peruntukan dalam tempoh lima tahun ini di samping melatih rakyat untuk lebih berkemahiran tinggi kerana dengan kemahiran baharu mereka dapat meningkatkan pendapatan," katanya.

Beliau berkata pendapatan yang lebih tinggi adalah penting bagi mengurangkan golongan 40 peratus rendah yang pendapatan dalam kelompok itu pada masa kini kira-kira RM2,500 sebulan dan ia perlu dinaikkan kepada RM5,000 sebulan menjelang tahun 2020

## **20. Harga minyak rendah, untung PETRONAS susut 39 peratus suku pertama**

KUALA LUMPUR: PETRONAS meraih pendapatan sebelum cukai RM17 bilion pada suku pertama berakhir 31 Mac 2015, susut 38 peratus berbanding RM27.2 bilion yang diperoleh pada suku sama tahun lalu.

Untung bersihnya pada suku pertama pula jatuh 39 peratus kepada RM11.4 bilion berbanding RM18.8 bilion suku sama 2014.

Pendapatan yang diperoleh syarikat minyak dan gas nasional itu pada suku dikaji berkurangan sebanyak 21 peratus kepada RM66.2 bilion daripada RM84 bilion pada suku pertama tahun sebelumnya.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Wan Zulkiflee Wan Ariffin, berkata penurunan hingga 38 peratus keuntungan sebelum cukai pada suku pertama adalah disebabkan pendapatan lebih rendah susulan kejatuhan 50 peratus harga minyak.

"Begitupun, ia sebahagiannya diimbangi oleh jualan lebih tinggi minyak mentah, gas diproses serta gas asli cecair.

"Ia juga diimbangi oleh pergerakan kadar tukaran asing dolar Amerika Syarikat berbanding ringgit yang memihak kepada PETRONAS," katanya mengumumkan prestasi kewangan PETRONAS di sini hari ini.

Ini kali pertama Wan Zulkiflee mengetuai sidang akhbar prestasi kewangan PETRONAS sejak dilantik Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif berkuatkuasa 1 April lalu.

Wan Zulkiflee berkata, harga purata minyak mentah Brent pada suku pertama 2015 ialah AS\$54 setong, berbanding AS\$108.20 pada suku pertama 2014.

Pengeluaran, bagaimanapun katanya meningkat sebanyak lima peratus disebabkan peningkatan pengeluaran minyak di Malaysia dan Vietnam.

Menuju ke depan, beliau berkata PETRONAS akan memberikan perhatian kepada perkara yang boleh dikawal termasuk pengeluaran, loji dan kemudahan kumpulan.

"Kami menjangkakan purata harga minyak berlegar pada paras semasa untuk beberapa suku tahunan akan datang," katanya.

PETRONAS akan membayar dividen sebanyak RM26 bilion kepada kerajaan pada tahun ini.



Tahun lalu, ia membayar dividen RM29 bilion kepada kerajaan.



Selasa, 26 Mei 2015

## **21. Najib yakin Jepun akan bida secara kompetitif projek kereta api laju**

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak percaya Jepun akan mengemukakan bidaan yang kompetitif bagi projek kereta api laju sepanjang 300 kilometer yang menghubungkan Kuala Lumpur dan Singapura.

"Teknologi kereta api dan kereta api laju Shinkansen Jepun sangat kompetitif. Saya percaya syarikat-syarikat Jepun boleh mengemukakan bidaan yang kompetitif," katanya.

Najib, yang melakukan lawatan rasmi ke Jepun mengalu-alukan usaha negara itu untuk projek berkenaan dalam temu bual eksklusif dengan Nikkei Asian Review.

Cadangan projek itu yang dikemukakan pada 2013, bakal mengurangkan masa perjalanan antara Kuala Lumpur dan Singapura kepada 90 minit berbanding kira-kira lima jam melalui jalan raya, tujuh jam dengan kereta api dan sejam dengan kapal terbang.

Kedua-dua negara kini dalam usaha untuk memuktamadkan kajian kemungkinan projek, yang dianggarkan pada RM40 bilion.

Selain Jepun, negara-negara lain yang telah menyatakan minat terhadap projek itu ialah China, Korea Selatan, Perancis, Jerman, Britain dan Sepanyol.

Najib, yang juga Menteri Kewangan menjelaskan bahawa pembiayaan, teknologi sistem operasi dan gerabak akan menjadi faktor utama dalam menentukan siapa yang memenangi projek.

Syarikat membida, juga perlu memasukkan bantuan pembiayaan jangka panjang, serta keupayaan teknologi untuk membina dan mengendalikan rel.

Bagi pelaburan, Perdana Menteri berkata Malaysia akan terus menarik pelaburan "berimpak tinggi" daripada kalangan syarikat Jepun dan negara lain dengan memberikan pelbagai insentif.

Insentif khususnya, akan disesuaikan bagi syarikat-syarikat yang melabur dalam projek-projek automasi dan berteknologi tinggi yang mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan di zon pembangunan ekonomi yang ditetapkan di Malaysia.



"Saya lebih suka syarikat-syarikat memberitahu kami secara terus jika ada sebarang permintaan yang mereka mahu," kata Najib yang dipetik sebagai berkata dalam laporan itu.

Malaysia juga menyokong janji Jepun untuk menawarkan A\$110 bilion untuk membiayai projek-projek infrastruktur di Asia dalam tempoh lima tahun akan datang, kerana ia akan mengekalkan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi tempatan.

Mengenai pertikaian wilayah di Laut China Selatan, laporan itu menyebut Najib mengatakan bahawa ASEAN akan mengadakan "perbincangan" dengan China untuk menyelesaikan isu itu secara aman.

"Kami berharap negara-negara yang mempunyai kepentingan berkaitan Laut China Selatan tidak akan membangkitkan ketegangan (atau) melakukan apa-apa yang membawa kepada ketidakstabilan," katanya.

Najib berkata di bawah Komuniti Ekonomi ASEAN, 10 negara anggota di rantau ini mahu untuk diiktiraf sebagai pasaran tunggal bagi pengeluaran dan sudah mengambil pelbagai langkah untuk mengurangkan halangan cukai dan prosedur kastam bagi memudahkan pergerakan barangan, perkhidmatan dan modal insan.

Bagi melaksanakannya dengan cara yang berkesan, Sekretariat ASEAN sedang mempertimbangkan untuk meningkatkan tenaga kerjanya dan belanjawan tahunan, katanya



Selasa, 26 Mei 2015

## **22. Pengembangan pasaran pengguna jadi pemacu perdagangan ASEAN - Muhyiddin**

KUALA LUMPUR: Pertumbuhan pasaran pengguna dan pengembangan keluaran di Asia akan menjadi pemacu utama bagi mempromosikan perdagangan antara rantau dalam negara ASEAN.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata ini kerana ASEAN sudah menjadi satu blok ekonomi penting untuk perdagangan antarabangsa.

"Kita berharap Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dapat dimuktamadkan yang dijangka ditandatangani antara negara ASEAN dan rakan dagang lain.

"RCEP akan mewujudkan blok perdagangan terbesar di dunia, dengan populasi penduduk melebihi tiga bilion, iaitu hampir 45 peratus populasi global, yang sudah pasti dapat memberi manfaat kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) ASEAN," katanya berucap merasmikan Persidangan dan Pameran PKS ASEAN 2015, di sini.

Beliau berkata kini adalah masa bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di ASEAN memainkan peranan yang lebih besar, kerana mereka akan paling mendapat manfaat dari segi perdagangan dan pelaburan.



Rabu, 27 Mei 2015

### **23. Masalah kewangan 1MDB bukan petanda keseluruhan GLC tertekan: Moody's**

KUALA LUMPUR: Isu kewangan yang melanda 1Malaysia Development Bhd (1MDB) bukanlah petanda bahawa syarikat berkaitan kerajaan (GLC) secara menyeluruhnya tertekan, kata Moody's Investors Service.

Mengikut firma itu, selain 1MDB, ada syarikat yang terus membayar hutang berdasarkan rekod tadbir urus yang kukuh selain mencatat keuntungan.

"Belum ada lagi jaminan yang tertera dalam kunci kira-kira kerajaan," kata Naib Presiden Moody's Rahul Ghosh dalam laporan Moody's "Malaysia: Most Rated Entities Will Withstand External and Domestic Challenges."

Bagi syarikat korporat dan institusi kewangan lain di Malaysia, beliau berkata syarikat terbabit mampu bertahan mengharungi cabaran luar dan domestik dengan ekonomi terus berkembang pada tahap sederhana.

"Halangan yang dihadapi ekonomi Malaysia (A3 positif) termasuk harga komoditi yang rendah, nilai mata wang yang lemah serta risiko liabiliti.

"Kami menjangkakan Malaysia akan terus berdaya tahan dalam ekonomi makro, iaitu sederhana, namun masih mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang positif, kadar inflasi yang rendah dan mengekalkan lebihan akaun semasa walaupun persekitaran luar yang mencabar serta penggunaan domestik yang perlahan," katanya.

Rahul berkata keadaan ini akan dapat memastikan agensi penarafan memberikan sokongan yang munasabah.

Laporan Moody's itu turut menyebut bahawa risiko luaran masih wujud, namun boleh diurus, dan menjangkakan persekitaran luaran terus mencabar pada suku-suku akan datang, berikutan harga minyak yang lemah dan kemungkinan dasar monetari Amerika Syarikat yang lebih ketat.

Beliau berkata persekitaran seumpama itu dijangka menjejaskan hasil PETRONAS (A1 stabil), pengeluar utama minyak, tahun ini dan tahun depan.

Rahul berkata paras hutang juga berisiko meningkat bagi syarikat perladangan disebabkan EBITDA selain penjana tunai yang lebih rendah daripada harga minyak sawit yang lemah.

Bagaimanapun laporan itu menyebut bahawa kebanyakan entiti yang diberikan penarafan oleh Moody dapat menyerap kedudukan luar yang mencabar pada suku-suku akan datang disebabkan pendedahan rendah ke atas harga komoditi serta naik turun kadar mata wang.

Moody's menjangkakan pertumbuhan penggunaan swasta akan perlahan pada suku akan datang berikutan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada April, selain tahap hutang isi rumah yang tinggi.

"Sektor hartanah semasa yang perlahan juga menjejaskan perbelanjaan pengguna," katanya.

Namun impak ke atas pengguna yang lemah ke atas bank dan korporat dijangka tidak menyebabkan tekanan kredit utama, katanya.

Secara perbandingan, penurunan harga komoditi dan tindakan monetari yang ketat oleh Rizab Persekutuan akan memberikan kredit negatif ke atas penerbit.

Jika harga komoditi dunia terutama minyak, meningkat dengan ketara dan kekal tertekan dalam 2015 dan 2016, Malaysia mungkin mengalami defisit akaun semasa dan fiskal berkembar dan pengaliran keluar modal.



Rabu, 27 Mei 2015

#### **24. Jumlah aset 1MDB berakhir 31 Mac 2014 sebanyak RM51.4b**

KUALA LUMPUR: Jumlah keseluruhan aset 1Malaysia Development Bhd (1MDB) yang telah diaudit untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2014 sebanyak RM51.4 bilion, Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Ia merangkumi aset semasa bernilai RM19.5 bilion dan aset bukan semasa RM31.9 bilion, demikian menurut jawapan bertulis kepada soalan Wong Chen (PKR-Kelana Jaya) yang meminta Menteri Kewangan menjelaskan mengenai perkara itu.

Jawapan itu menyebut 1MDB mempunyai kedudukan aset-aset yang kukuh, antaranya tanah untuk pembangunan Tun Razak Exchange dan Bandar Malaysia di Kuala Lumpur.

Aset lain ialah tanah di Pulau Pinang seluas 94.69 hektar (234 ekar) serta 13 loji jana kuasa dan penyahgaraman di lima negara.

"Nilai aset-aset 1MDB disokong oleh laporan penilaian atau nilai buku yang telah disahkan oleh juruaudit bebas (Deloitte)," menurut jawapan itu.

Menurut jawapan bertulis kepada soalan Tony Pua Kiam Wee (DAP-Petaling Jaya) juga ditujukan kepada Menteri Kewangan, perjanjian antara 1MDB dan International Petroleum Investment Corporation (IPIC) dibuat secara bebas, dengan terma-terma komersial yang mengikut piawaian pasaran. Ini berdasarkan maklumat yang dikemukakan pihak pengurusan 1MDB kepada Kementerian Kewangan.

"Pengumuman yang sewajarnya akan dibuat apabila nilai muktamad penebusan opsyen diselesaikan dan akan dilaporkan dalam penyata kewangan beraudit akan datang," kata jawapan itu.

Pua bertanyakan sebab 1MDB memperoleh jaminan daripada IPIC untuk terbitan-terbitan bon berjumlah AS\$3.5 bilion yang menurutnya mengenakan syarat-syarat yang begitu menyeksakan. Ia juga bertanya jumlah yang dibayar 1MDB untuk menebus opsyen yang diberi kepada anak syarikat IPIC, Aabar Investment PJS.



Rabu, 27 Mei 2015

## **25. Harga minyak naik dalam dagangan Asia**

SINGAPURA: Harga minyak naik dalam dagangan Asia hari ini didorong kegiatan pembelian ketika harga murah selepas penurunan besar semalam berikutan pengukuhan dolar AS dan kebimbangan mengenai lebihan penawaran, kata penganalisis.

Kontrak penanda aras AS, West Texas Intermediate (WTI) bagi penghantaran Julai naik 44 cents kepada AS\$58.47 manakala minyak mentah Brent naik 30 cents kepada AS\$64.02 pada tengah hari.

Semalam, WTI jatuh AS\$1.69 dan Brent jatuh AS\$1.80.

Harga minyak dunia menghadapi tekanan berikutan peningkatan dolar seiring jangkaan Rizab Persekutuan AS akan menaikkan kadar faedah negara itu menjelang hujung tahun ini.

"Selepas harga minyak jatuh teruk semalam, peningkatan semasa adalah disebabkan pembelian ketika harga rendah," kata Nicholas Teo, penganalisis pasaran di CMC Markets, Singapura.

Mengikut Teo, peniaga juga sedang menunggu data rasmi stok penimbal AS yang akan dikeluarkan hari ini (waktu AS) untuk mengenal pasti tahap pengeluaran dan permintaan di negara itu, pengguna utama minyak dunia.

Rizab minyak mentah mungkin sudah berkurangan sebanyak 1.5 juta tong dalam minggu berakhir 22 Mei, mengikut dapatan kaji selidik Bloomberg News.



Rabu, 27 Mei 2015

#### **26.2 firma audit 1MDB akan jawab PAC pada 10 dan 17 Jun ini**

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) menetapkan 10 Jun dan 17 Jun ini untuk memanggil dua firma audit memberi keterangan berhubung siasatan ke atas isu 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

Pengerusinya, Datuk Nur Jazlan Mohamed, berkata firma pertama adalah KPMG manakala firma kedua adalah Deloitte sementara perjumpaan dengan firma ketiga, Ernst & Young akan ditetapkan kemudian.

"PAC memerlukan dua minggu notis untuk menerima maklum balas daripada pihak berkaitan. Semua notis berkenaan dihantar melalui Kementerian Kewangan, barulah dimaklumkan kepada firma audit terbabit.

"Jadi proses ini memakan masa sedikit kerana kita memerlukan persetujuan daripada semua pihak termasuk 13 ahli PAC," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat PAC di Bangunan Parlimen, hari ini.

Sementara itu, Nur Jazlan meminta rakyat tidak terlalu mendesak supaya penyiasatan terhadap isu itu disegerakan kerana pihaknya perlu melalui pelbagai proses untuk melengkapkan siasatan.

"PAC tidak mahu dipengaruhi campur tangan politik yang boleh menjejaskan kredibiliti badan ini dan akhirnya menjejaskan keputusan penyiasatan terhadap 1MDB," katanya.

Mengenai prosiding membabitkan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Arul Kanda Kandasamy dan bekas CEO, Datuk Shahrol Halmi yang sepatutnya hadir pada hari ini, Nur Jazlan berkata ia ditangguhkan kepada satu tarikh yang belum ditetapkan.

"Kita sudah hantar surat notis kepada Kementerian Kewangan pada 6 Mei tetapi PAC menerima surat daripada kementerian bahawa kedua-duanya mempunyai urusan di luar negara dan minta prosiding ditangguhkan 30 hari daripada tarikh surat dihantar," katanya.

Syarikat pembangunan strategik milik kerajaan, 1MDB mencetuskan kontroversi apabila mempunyai hutang RM42 bilion walaupun baru beroperasi sejak 2009.

Lembaga Pengarah dan pengurusan bagaimanapun menjelaskan hutang berkenaan disandarkan kepada aset syarikat lebih RM50 bilion.



Khamis, 28 Mei 2015

#### **27. Kabinet dengar pelan hala tuju 1MDB esok - Ahmad Husni**

KUALA LUMPUR: Kementerian Kewangan akan membentangkan pelan hala tuju 1Malaysia Development Bhd (1MDB) pada mesyuarat Kabinet esok.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah, berkata pelan berkenaan sangat penting untuk menangkis persepsi negatif sesetengah pihak terhadap syarikat itu.

Katanya, pembentangan berkenaan akan dapat memberi gambaran jelas kedudukan sebenar 1MDB terutama berkaitan hutang berjumlah RM42 bilion.

"Saya akan bentangkan kepada anggota Kabinet esok dari segi hala tuju 1MDB kerana banyak salah sangka akibat persepsi sosial yang berlaku.

"1MDB antara syarikat yang berdaya saing, jadi kita perlu kukuhkan perniagaan seiring dengan kemampuan kewangannya," katanya merasmikan Konvensyen Koperasi Nasional 2015, di sini, sebentar tadi.

## **28. Hutang 1MDB akan berkurangan sebanyak RM16b**

KUALA LUMPUR: Perjanjian dengan International Petroleum Investment Company (IPIC) dan anak syarikatnya, Aabar Investments (Aabar), akan menyaksikan hutang 1Malaysia Development Bhd (1MDB) berkurangan kira-kira RM3.5 bilion dalam tempoh kurang daripada seminggu dari sekarang.

Difahamkan, menerusi beberapa transaksi tambahan yang mana butiran terperinci akan dimuktamadkan pada minggu-minggu akan datang, hutang 1MDB akan berkurang lagi antara RM12.0 bilion dan RM12.5 bilion.

Menteri Kewangan Kedua Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah hari ini mengumumkan 1MDB memeterai perjanjian ikatan dengan IPIC dan Aabar membabitkan pembayaran sebanyak AS\$1 bilion (RM3.6 bilion).

IPIC akan membayar AS\$1 bilion, pada atau sebelum 4 Jun 2015, yang akan digunakan untuk membayar semula pinjaman AS\$975 juta (RM3.5 bilion), lebih awal daripada tarikh akhir, kepada sindiket peminjam bank antarabangsa.

Terdahulu pada hari ini beliau membentangkan pelan rasionalisasi 1MDB kepada Kabinet yang membabitkan rancangan pembubaran 1MDB dan penubuhan tiga syarikat beroperasi sendiri.

Kabinet dimaklumkan bahawa 1MDB dijangka dibubarkan, tetapi cabaran utama ialah paras hutangnya yang tinggi berjumlah RM42 bilion dalam akaun kewangan terakhirnya.

Bagaimanapun, perjanjian yang dicapai dengan IPIC dan Aabar yang berpangkalan di Abu Dhabi itu akan membantu mengurangkan hutang sebanyak RM16 bilion dan sebagai pertukaran, 1MDB akan menyediakan kepada IPIC dan Aabar sejumlah aset kewangan termasuk unit yang dipegang dalam akaun BSI Singapore syarikat.

Bercanggah dengan dakwaan pembangkang bahawa akaun itu tidak mempunyai apa-apa, ini membuktikan ia mempunyai nilai.

Perbincangan juga sedang diadakan dengan beberapa pihak lain dan Kementerian Kewangan yakin dapat menyelesaikan semua hutang dan menyiapkan pembubaran syarikat itu pada awal tahun depan.

## 29. Bayaran AS\$1b daripada IPIC bukan pinjaman - 1MDB

KUALA LUMPUR: 1Malaysia Development Bhd (1MDB) menjelaskan bayaran AS\$1 bilion (RM3.6 bilion) diterima daripada International Petroleum Investment Company (IPIC), Abu Dhabi bukan pinjaman.

Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan, Arul Kanda, berkata bayaran berkenaan adalah transaksi perniagaan, bukan pinjaman atau tindakan menyelamatkan.

"Ia adalah pembayaran awal sebagai sebahagian daripada perjanjian meluas untuk menyelesaikan secara menyeluruh pelbagai transaksi aset dan liabiliti kewangan antara IPIC, Aabar dan 1MDB.

"Maklumat lanjut berhubung transaksi berkenaan akan dimaklumkan tidak lama lagi," katanya dalam satu kenyataan di sini awal pagi ini.

Beliau merujuk kepada kenyataan Kementerian Kewangan kelmarin berhubung pembayaran AS\$1 bilion yang akan diterima 1MDB pada atau sebelum 4 Jun ini.

Syarikat pembangunan strategik kerajaan itu akan menggunakan dana berkenaan untuk melunaskan lebih awal hutang RM3.5 bilion kepada satu sindiket bank peminjam antarabangsa.

Susulan daripada kenyataan itu, Arul berkata, pihaknya bimbang dengan dakwaan daripada pelbagai pihak bahawa pembayaran AS\$1 bilion itu adalah pinjaman yang menyebabkan 1MDB menanggung hutang tambahan.

Kementerian Kewangan dalam kenyataannya kelmarin menyebut, 1MDB akan menerima bayaran AS\$1 bilion selepas memeterai perjanjian dengan IPIC dan anak syarikatnya, Aabar Investments (Aabar).

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah, berkata pemerolehan dana itu menandakan satu langkah penting ke arah mengurangkan kadar hutang keseluruhan 1MDB.

"Ia adalah antara aspek penting dalam pelan rasionalisasi yang saya bentangkan sebelum ini kepada Kabinet, yang mana kami jangka akan dilaksana sepenuhnya menjelang awal tahun depan," katanya.

Ahmad Husni berkata, beliau juga membentangkan pelan rasionalisasi kepada Kabinet hasil rumusan kajian strategik 1MDB yang diumumkan pada Februari lalu.

Pelan rasionalisasi itu antara lain akan menyaksikan komponen perniagaan 1MDB dipecahkan kepada tiga syarikat iaitu Edra Energy, Tun Razak Exchange (TRX) dan Bandar Malaysia, dengan autonomi dan akauntabiliti terhadap prestasi kewangan masing-masing.



Bagaimanapun, Kementerian Kewangan akan kekal sebagai pemegang saham utama TRX dan Bandar Malaysia, yang mana ekuiti akan ditingkatkan melalui pelabur pihak ketiga.